

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN**  
**BIL. 1/1986**

---

**PENGECUALIAN BAYARAN DENDA LEWAT DAN BAYARAN NOTIS**  
**BAGI TANAH-TANAH MILIK KERAJAAN PERSEKUTUAN KERANA**  
**KELEWATAN MEMBAYAR CUKAI.**

---

---

Arahan ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Jajahan bahawa Persidangan Pengarah-Pengarah Tanah dan Galian Semenanjung Malaysia ke-63 yang bersidang pada 10.9.1984 telah bersetuju Pengarah Tanah dan Galian Negeri mendapat persetujuan Pihak Berkuasa Negeri supaya tidak dikenakan bayaran denda lewat dan bayaran notis bagi bayaran hasil tanah-tanah yang dipunyai oleh Kerajaan Persekutuan. Persetujuan itu dibuat di atas dasar bahawa penguatkuasaan kadar cukai baru akan bermula pada 1.1.84 dan pada tarikh tersebut pihak Kementerian Tanah belum lagi menerima kadar cukai baru itu daripada kerajaan-kerajaan Negeri. Selain daripada itu pihak Perbendaharaan mengambil masa untuk menyediakan baucer-baucer pembayaran dan Kementerian lewat menerima cek daripada Perbendaharaan.

2. Bagi Negeri Kelantan mengikut Peraturan Tanah 21, Pengarah Tanah dan Galian diberi kuasa untuk menghapuskan bayaran notis bagi satu-satu tanah tetapi pengecualian bagi denda lewat masih terletak di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Negeri di bawah Peraturan Tanah 16(1) (a).

3. Majlis Mesyuarat Kerajaan yang bersidang pada 18.7.85 semasa menimbang Kertas Bil.13/371/85(3) telah membuat keputusan bahawa tanah-tanah yang dimiliki oleh Kerajaan Persekutuan diberi pengecualian mengikut Peraturan Tanah 16(1)(a) daripada membayar denda lewat.

4. Semua Pentadbir Tanah Jajahan adalah diminta mengambil maklum bahawa bagi tanah-tanah yang dimiliki oleh Kerajaan Persekutuan bayaran notis di bawah Peraturan Tanah 21 dan bayaran denda lewat di bawah Peraturan Tanah 16(1)(a) adalah dikecualikan mulai tahun 1985 dan tahun-tahun berikutnya.

**t.t**  
**(HJ.ISMAIL B.HASSAN)**  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
KELANTAN.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,  
KELANTAN  
KOTA BHARU.**

**BERTARIKH: 25HB. JANUARI, 1986**

**KEPADA:-**

Semua Pentadbir Tanah Jajahan,  
**KELANTAN.**

**Salinan Kepada:-**

1. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan,  
Kelantan,  
**KOTA BHARU.**
2. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri,  
Kelantan,  
**KOTA BHARU.**
3. YABrs. Ketua Cawangan Odit,  
Kelantan,  
**KOTA BHARU.**

**FAIL : P.T.G.(KN) BIL: 8559/3/(4)**